

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 SEPTEMBER 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 1

Tumpuan subsidi bersasar

PM bentang KSP RMK12 di Dewan Rakyat hari ini, semak mekanisme penetapan subsidi

Tumpuan subsidi bersasar

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kajian Separuh Penggal (KSP) Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang akan dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Rakyat hari ini antaranya akan memfokuskan kepada penyusunan semula subsidi su-

paya pengagihannya lebih bersasar.

Berdasarkan Aturan Urusan Mesyuarat, Anwar yang juga Menteri Kewangan kemudian akan mengemukakan usul khas bagi kelulusan KSP RMK-12 bagi tempoh 2023-2025.

Pada tahun 2022, kerajaan menanggung subsidi kepenggunaan sebanyak RM77.3 bilion

meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata, menerusi KSP RMK-12 kerajaan akan membuat penyasaran semula subsidi dengan menambah baik pengurusan pemberian subsidi agar lebih cekap dan bersasar.

Menurut beliau, antara yang yang akan dititikberatkan adalah semakan semula mekanisme penetapan subsidi bagi produk petroleum dan penstrukturkan semula tarif elektrik.

Sebelum ini kerajaan memaklumkan mampu berjimat sehingga RM17 bilion jika golongan T20 tidak menikmati subsidi petrol, diesel dan LPG.

Ini kerana penggunaan ketiga-tiga bahan api itu dalam kumpulan B40 hanya sekitar 24 peratus, M40 (41 peratus) dan kumpulan T20 (35 peratus).

"Ke arah pelaksanaan subsidi bersasar kerajaan akan menggunakan pakai pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU).

Bersambung di muka 2*